



UiTM buktikan kehebatan selaku kuasa MASUM acara tenis.

## UiTM tiada saingan dalam tenis

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) muncul juara tenis kategori lelaki dan wanita selepas mengungguli perlawanan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan UiTM semalam.

Pada perlawanan semalam, skuad tenis lelaki UiTM berjaya menumbangkan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan keputusan 4-1.

UiTM yang memenangi perseorangan pertama menerusi Mohd Hafizi setelah mene-

waskan Gong Wei Jei 6-1 dan 6-0, tewas dalam beregu kedua.

Namun, UiTM bangkit apabila perseorangan ketiganya, Shahril Anuar membenam lawannya 6-4, 6-0.

Beregu keempat dan kelima UiTM, Mohd Muzri/Adib Aziz serta Ruhil Amal/Zarick berjaya memenangi perlawanan masing-masing untuk memberi laluan kepada pasukannya menjuarai acara tersebut.

Tempat ketiga dan keempat menjadi pe-

ntuan antara pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dan kemenangan memihak kepada UTM 3-2.

Sementara itu, skuad tenis wanita UiTM pula mengetepikan cabaran skuad Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kemenangan 3-0.

Tempat ketiga pula dirangkul oleh Universiti Malaya yang berjaya menewaskan USM 2-1.